

26 NOV 2002

DR MAHATHIR DAN ISTERI ADAKAN MAJLIS BERBUKA PUASA

PUTRAJAYA, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali malam ini mengadakan majlis berbuka puasa di Seri Perdana, di sini.

Kira-kira 200 tetamu memenuhi majlis yang diadakan di Dewan Bankuet itu antaranya Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Pegawai-pegawai kanan kerajaan, mufti serta ketua-ketua agama lain.

Selesai majlis, Dr Mahathir dan isteri kemudiannya bersama-sama menunaikan solat Maghrib secara berjemaah dengan tetamu Islam yang hadir sebelum bersama-sama menikmati jamuan makan malam.

Perdana Menteri yang baru kembali daripada menghadiri mesyuarat mengenai pembangunan semula Lubnan di Paris, petang tadi juga sempat meluangkan masa beramah mesra dengan jemputan, walaupun beliau nampak keletihan.

Sejurus selepas jamuan makan malam beliau bersama hadiran berjemaah menunaikan solat Isyak dan solat sunat Terawih.

-- BERNAMA

FA NM PR